

**PERANAN PEMERINTAH DAN GOLONGAN
INTELEKTUAL DALAM MEMPERTAHANKAN
KEDAULATAN JOHOR, 1862-1957**

Oleh

MUHAMMAD IZUAN BIN ABDUL RAHMAN

Tesis yang diserahkan
untuk memenuhi keperluan
Ijazah Sarjana Sastera

OGOS 2015

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana berkat limpah dan kurnianya dapatlah penulis menyiapkan penulisan tesis ini meskipun terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah dan rintangan. Selawat dan salam ke atas nabi junjungan kita, Nabi Muhammad SAW. Dalam ruangan yang terhad ini, penulis ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada beberapa pihak dan orang perseorangan yang telah menghulurkan bantuan serta sokongan moral sepanjang penghasilan tesis ini.

Terlebih dahulu penulis ingin menyampaikan penghargaan khusus kepada penyelia tesis sarjana penulis iaitu Prof Madya Dr. Mahani Musa yang tidak pernah jemu untuk memberi tunjuk ajar serta memperbaiki kesilapan penulis sepanjang penulisan tesis ini. Tidak lupa juga kepada Prof Madya Abdul Rahman dan Prof Abu Talib yang sudi berkongsi ilmu dan idea dengan penulis.

Jutaan terima kasih juga buat para pensyarah di Bahagian Sejarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang mencurahkan ilmu kepada penulis sepanjang lima tahun ini. Sesungguhnya tesis ini adalah hasil daripada benih-benih ilmu yang kalian semaikan. Terima kasih juga atas kritikan dan saranan yang diberikan kepada penulis sewaktu sesi pembentangan proposal pada April 2013.

Penulisan tesis ini tentunya tidak akan lengkap tanpa bantuan daripada Encik Yusof dari Arkib Negara Cawangan Johor yang begitu komited dan sabar melayan kerenah penulis sewaktu mendapatkan bahan-bahan di Arkib Johor. Begitu juga dengan Cikgu Shamsudin dan Cikgu Shagidon yang mengajar penulis membaca ‘tulisan jawi lama’ serta menjadi tempat rujukan utama penulis sekiranya

berhadapan masalah dalam mentransiliasi dokumen-dokumen yang ditulis dalam 'tulisan jawi lama' khususnya perkataan bahasa Inggeris yang 'dijawikan'.

Kepada kedua ibu bapa dan adik-beradik, penulis ingin merakamkan rasa terhutang budi penulis atas kepercayaan yang diberikan kepada penulis untuk melanjutkan pengajian dalam peringkat sarjana serta sokongan moral dan kewangan. Tidak lupa juga kepada Wan Rashidah Wan Mohd serta keluarganya atas galakan, sokongan dan motivasi kepada penulis untuk meneruskan pengajian. Terima kasih juga atas bantuan teknikal, kemudahan pengangkutan dan penginapan sewaktu penulis bermusafir ke Kuala Lumpur untuk membuat penyelidikan.

Buat rakan-rakan seperjuangan, terutamanya Raqib, Hasri, Adham, dan lain-lain, terima kasih atas segala bantuan dan sokongan anda semua. Kepada semua pihak yang telah membantu penulis, sama ada secara langsung atau tidak langsung, penulis ingin merakamkan sekalung penghargaan buat kalian. Akhir sekali, penulis ingin melahirkan rasa berterima kasih yang tidak terhingga kepada para sarjana dan ahli akedamik yang terlebih dahulu telah menghasilkan kajian seterusnya membolehkan penulis menjadikan tulisan mereka sebagai rujukan. Al-Fatihah buat para sarjana yang telah pergi menghadap Sang Pencipta terlebih dahulu. Semoga jasa mereka menghasilkan kajian dan penyelidikan untuk rujukan generasi akan datang membolehkan roh mereka ditempatkan di sisi orang-orang yang beriman, Amin.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix
SENARAI KEPENDEKAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Sorotan Literatur	6
1.3 Permasalahan Kajian	15
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Skop Kajian	17
1.6 Metodologi Kajian	23
1.7 Signifikan Kajian	25

BAB 2 : ISTANA DAN PERJUANGAN MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN JOHOR

2.1	Pendahuluan	26
2.2	Kontradiksi Konsep Negara Melayu dalam Konteks Zaman Silam dan Negara Moden	28
2.3	Penglibatan Istana dalam Memelihara Kedaulatan Johor	31
	2.3.1 Sistem Ajen	35
	2.3.2 Pemeraksanaan Ekonomi sebagai Wahana dalam Memelihara Kedaulatan Johor	38
	2.3.3 Kaedah Diplomasi dan Diplomatik dalam Memperjuangkan Kedaulatan Johor	39
	2.3.4 Perjanjian Persahabatan 1885 Sebagai Benteng Kedaulatan Johor	46
2.4	Rekonstruksi dan Inovasi Adat Istiadat dalam Mempertahankan Kedaulatan Johor	55
2.5	Kesimpulan	68

BAB 3 : PERUNDANGAN SEBAGAI SENJATA MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN JOHOR

3.1	Pendahuluan	70
3.2	Kanun Kangcu 1873	72
3.3	Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895	75
	3.3.1 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 Sebagai Klimaks Perjuangan Mempertahankan Kedaulatan Johor	79
	3.3.2 Agama dan Bangsa Melayu Sebagai Intipati Perjuangan Mempertahankan Kedaulatan Johor	86
	3.3.3 Pengiktirafan Terhadap Kedaulatan Negara Bangsa Lain dan Kedaulatan Rakyat	91
3.4	Undang-undang Tanah yang Dicapadangkan kerana Orang-orang Melayu	96
	3.4.1 Ke Arah Memastikan Tanah Orang Melayu Terjamin	102
3.5	Kesimpulan	106

BAB 4 : GOLONGAN INTELEKTUAL, SEKOLAH AGAMA DAN SEKOLAH VERNAKULAR MELAYU SEBAGAI PERISAI MENGHADAPI IMPERIALISME BUDAYA BARAT

4.1	Pendahuluan	108
4.2	Imperialisme Budaya dan Reaksi Golongan Intelektual	108
4.3	Sekolah Agama Sebagai Perisai Menghadapi Pengaruh Budaya Barat	117
4.3.1	Sekolah Agama dalam Meneutralkan Imperialisme Budaya Barat	119
4.4	Sekolah Melayu Pemantap Jati Diri Bangsa Melayu Johor	128
4.4.1	Sekolah Melayu dan Perjuangan Mempertahankan Kedaulatan Johor	129
4.4.2	Penglibatan Guru Melayu dalam Mempertahankan Kedaulatan Johor	135
4.4.3	Ke Arah Kemajuan Bangsa Melayu dan Penerapan Semangat Cintakan Tanah Air Melalui Aktiviti Kokurikulum	148
4.5	Kesimpulan	150

BAB 5 : KEGIATAN PERSURATKHABARAN DAN PERMAJALAHAN DALAM MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN JOHOR

5.1	Pendahuluan	153
5.2	Persuratkhabaran dan Permajalahan Melayu dalam Konteks Perjuangan Mempertahankan Kedaulatan Johor	155
5.2.1	Aspek Politik dan Kenegaraan dalam Akhbar dan Majalah Melayu di Johor	159
5.2.2	Wanita dan Pena: Sorotan Pemikiran Wanita Melayu dalam Mempertahankan Kedaulatan Melayu Johor	172
5.2.3	Akhbar dan Majalah sebagai Saluran Memperkasa Ekonomi Orang Melayu	180
5.3	Persuratkhabaran Melayu 1945-1956: Merintis Jalan ke Arah Kemerdekaan	188
5.4	Kesimpulan	190

BAB 6 : KESIMPULAN	193
BIBLIOGRAFI	198
LAMPIRAN	225

SENARAI JADUAL

	HALAMAN	
Jadual 4.1	Jadual Masa Memberi Sukatan Pelajaran dalam Setahun Persekolahan Bagi Sekolah Agama Negeri Johor	125
Jadual 5.1	Kadar Kematian Mengikut Kumpulan Umur di Johor Tahun 1933	177
Jadual 5.2	Statistik Pekerjaan dalam Sektor Pertanian dan Perikanan serta Perusahaan Mengikut Kaum di Johor	183

SENARAI RAJAH

	HALAMAN
Rajah 5.1 Karikatur dalam <i>Lembaga Malaya</i> yang Menyindir dan Mengkritik British	160

SENARAI LAMPIRAN

HALAMAN

Lampiran 1:	Salasilah Raja-raja Melayu Johor bermula dari Sultan Abdul Jalil IV hingga Sultan Ismail 1959	225
Lampiran 2:	Perjanjian Persahabatan 1885	226
Lampiran 3:	Peta Negeri Johor yang Dilukis oleh Datuk Bentara Luar	229
Lampiran 4:	Sultan Abu Bakar Bergambar Semasa Hendak Menyambut Ketibaan Duke of Sutherland di Istana Johor pada tahun 1888	230
Lampiran 5:	D.Y.M.M Major General Sir Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abu Bakar, Sultan Johor	231
Lampiran 6:	Surat daripada Pegawai Daerah Segamat kepada Setiausaha Kerajaan Johor Berkenaan Sikap Pemilik Kebun di Segamat yang Memajak Kebun Mereka dengan Kadar Harga yang Murah	232
Lampiran 7:	Surat Pesuruh Jaya Kerajaan Batu Pahat kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Memaklumkan Petisyen Penduduk Batu Pahat Terhadap Tempoh Lelongan Harta Mereka	233
Lampiran 8:	Senarai Sebahagian Pemajak yang Memajak Tanah di Negeri Johor untuk Tujuan Pertanian Komersial	235
Lampiran 9:	Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895	237

SENARAI KEPENDEKAN

DKA	:	Darah Keturunan Arab
DKK	:	Darah Keturunan Keling
HIMWIM	:	Himpunan Wanita Indonesia Malaya
Jebat	:	Malaysian Journal of History, Politics and Strategic
JMBRAS	:	Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
KMJ	:	Kesatuan Melayu Johor
KMM	:	Kesatuan Melayu Muda
LKMJ	:	Lembaga Kesatuan Melayu Johor
MBRAS	:	The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
MPAJA	:	Malayan People Anti-Japanese Army
MPSI	:	Maktab Perguruan Sultan Idris
m.m	:	Memerintah
PMSJ	:	Pergerakan Melayu Semenanjung Johor
SITC	:	Sultan Idris Training Collage
UMO	:	United Malays Organization
UMNO	:	United Malays National Organization
VOC	:	Syarikat Hindia Belanda

PERANAN PEMERINTAH DAN GOLONGAN INTELEKTUAL DALAM MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN JOHOR, 1862-1957

ABSTRAK

Isu mengenai perjuangan mempertahankan kedaulatan tanah air khususnya dalam konteks Tanah Melayu sering kali menimbulkan polemik. Persoalan mengenai tarikh permulaan serta siapa yang bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara juga masih dirantai dengan kontroversi. Terdapat sarjana yang menghujahkan bahawa perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor tidak wujud pada kurun ke-19 sebaliknya hanya muncul pada tahun 1900-an yang dirintis oleh golongan rakyat. Malahan tindakan pemerintah Melayu menurunkan tandatangan Perjanjian Malayan Union pada tahun 1946 telah mengakibatkan penglibatan golongan istana dalam perjuangan mempertahankan kedaulatan tanah air dinafikan bahkan telah dihujani dengan pelbagai stigma negatif. Pemerintah Melayu digambarkan oleh sarjana seperti Mahayudin Haji Yahaya serta nasionalis seperti Jaafar Hussin dan Ibrahim Yaacob sebagai bersifat dayus dengan menghalalkan imperialisme British tanpa sebarang inisiatif untuk menghalang atau meminimumkannya. Walau bagaimanapun, penelitian dari kaca mata tempatan memperlihatkan bahawa pihak istana, dengan bantuan golongan intelektual, merupakan perintis kepada usaha mempertahankan kedaulatan Johor yang sebenarnya merupakan hasil kolaborasi daripada segenap lapisan masyarakat. Bahkan perjuangan ini telah lama wujud dalam pelbagai ragam dan bersifat fleksibel serta berubah mengikut arus peredaran masa.

THE ROLE OF RULERS AND INTELLECTUALS IN THE DEFENCE OF JOHOR'S SOVEREIGNTY,1862-1957

ABSTRACT

The struggle to uphold the sovereignty of one's motherland, especially in the context of the Malay Peninsular often gives rise to polemics. Facts pertaining to when such struggles in the Malay Peninsular began and who the pioneers in the struggle were, are still shrouded in controversy. In relation to this, some scholars have argued that efforts to defend the sovereignty of Johor did not begin in the 19th century as claimed but in fact, only begun in the 1900s, catalysed by its ordinary citizens. Scholars have also criticised the Malay Sultans for signing the Malayan Union proposal in 1946 with the British, accusing them of being totally disinterested in upholding the sovereignty of the Malay Peninsular. Scholars such as Mahayudin Haji Yahaya and nationalists such as Jaafar Hussin and Ibrahim Yaacob, had depicted the act as cowardly because Malay rulers who agreed to the proposal had, in fact, sanctioned British imperialism without taking any initiative to stop or reduce it. From the local perspective, the Malay royalty, with the support of the intellectuals, were indeed the pioneers in the struggle to safeguard sovereignty of Johor. The struggle had begun much earlier and could be seen at all levels of society, taking shape in different manifestations and adapting itself accordingly to changes.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Perbincangan mengenai isu perjuangan mempertahankan kedaulatan tanah air sememangnya telah mencetuskan polemik dalam kalangan sesetengah sarjana yang tiada noktahnya. Hal ini secara tidak langsung mencerminkan bahawa ilmu sejarah itu sememangnya sentiasa hidup dan tidak statik. Hal ini juga bertepatan dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Khoo Kay Kim yang menyatakan bahawa “...sejarah sememangnya suatu disiplin yang sentiasa hidup, bukan kerana sejarah boleh diubah, tetapi pengertian sejarah boleh didalami dari semasa ke semasa berdasarkan penyelidikan yang lebih teliti”.¹ Pada masa yang sama, segelintir sarjana sememangnya menghadapi dilema untuk mengklasifikasikan perjuangan mempertahankan tanah air sama ada sebagai nasionalisme atau gerakan anti-penjajah ataupun perjuangan golongan pembesar untuk mengembalikan status quo mereka. Hal ini bertitik tolak daripada perbezaan sudut pandang dan aliran.

Dalam konteks pensejarahan Malaysia, negeri Johor sememangnya merupakan sebuah negeri yang unik sehingga menarik beberapa orang sarjana seperti Leonard Y. Andaya, R.O. Winstedt, Keith Sinclair, Abdullah Zakaria dan Ahmad Fawzi Basri untuk menjadikan Johor sebagai fokus kajian mereka.² Hal ini kerana Johor adalah merupakan serpihan empayar Kesultanan Melayu Melaka dan Empayar

¹ Khoo Kay Kim, 2001. “Nasionalisme Melayu C. 1919-1941: Suatu Tatapan Semula”, *Jebat*. Bil. 28. hlm. 61.

² Lihat kajian-kajian seperti, Leonard Y. Andaya (Terjemahan oleh Shamsudin Jaafar), 1987. *Kerajaan Johor 1461-1728 Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; R.O. Winstedt, 1979. *A History of Johore (1365-1895 A.D)*. Kuala Lumpur: Art Printing Work; Keith Sinclair, 1967. “Hobson and Lenin in Johore: Colonial Office Policy Towards British Concessionaires and Investors”. *Modern Asian Studies*, Vol. 1. Part 4; Abdullah Zakaria Ghazali, 1997. *Istana dan Politik Johor*. Kuala Lumpur: Yayasan Penantaran Ilmu; Ahmad Fawzi Basri, 1978. *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan Daripada Pelbagai Aspek*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Semenanjung Malaysia.

Johor-Riau-Lingga-Pahang.³ Oleh yang demikian, adalah tidak menghairankan jika Johor dilihat mewarisi kemajuan dan kegemilangan yang pernah dikecapi oleh kedua-dua buah empayar tersebut.⁴ Malahan selepas runtuhnya empayar kesultanan Melayu Melaka, Johor muncul sebagai penerus legasi kesultanan Melayu Melaka. Era pasca kemangkatan Sultan Mahmud pada tahun 1528 menyaksikan waris-warisnya telah membuka penempatan di tanah besar Johor untuk dijadikan sebuah negeri yang baharu.

Sebagai sebuah tenaga politik yang baru di alam Melayu, Johor terpaksa membina semula sistem politik dan ekonominya yang musnah rentetan krisis dalaman dalam kalangan keluarga diraja dan pembesar selepas serangan Portugis pada tahun 1511. Tambahan pula, pada peringkat awal kerajaan Johor terpaksa berhadapan dengan musuh imperialis seperti Portugis dan Aceh dalam usaha untuk mengembalikan zaman kegemilangan empayar Melaka. Kebijaksanaan para pemimpin Johor dalam membuat percaturan politik dengan menjalinkan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) telah memberi satu dimensi baharu dalam perkembangan Johor sebagai sebuah tenaga politik yang baru.⁵ Oleh yang demikian, adalah tidak menghairankan pada kurun ke-17 Johor berjaya meluaskan kekuasaannya ke Kampar, Bengkalis, Ungarang, Kepulauan Karimun, Bulang, Bentan, Kepulauan Riau-Lingga, Pahang, Terengganu, Siak, Inderagiri dan Rokan yang dahulunya pernah berada di bawah naungan Melaka.⁶

³ *Singapore and Straits Directory*, 1904. hlm. 341. Arkib Negara Cawangan Johor.

⁴ Ahmad Fawzi Basri, *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan Daripada Pelbagai Aspek*. hlm.12.

⁵ Lee Kam Hing, 1972. "Acheh dan Semenanjung Tanah Melayu dalam Kurun Keenam-belas dan Ketujuh-belas". Dalam, Zainal Abidin b. Abd Wahid (Penyunting). *Sejarah Malaysia Sa-pintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 46.

⁶ Radin M. Fernando, 2007. "Mencari Kestabilan dan Pemeliharaan 1511-1824". Dalam, Abdul Rahman Haji Ismail (Penyunting). *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 136.

Dari sudut ekonomi pula, perdagangan bebas yang dijamin oleh pemerintah telah memacu Johor muncul sebagai sebuah kuasa ekonomi di kepulauan Melayu. Selain itu, Johor juga pada zaman kegemilangannya telah berjaya menguasai sektor perlombongan bijih timah melalui beberapa siri perjanjian perdagangan dengan negara-negara pengeluar bijih timah seperti Beruas, Bernam, Selangor, Manjung, Klang, Perak dan Kedah. Johor juga muncul sebagai kuasa ekonomi di Nusantara sekali gus menjadi ‘duri dalam daging’ kepada ekonomi Melaka dan Betawi.

Pelabuhan Johor dijadikan alternatif oleh kapal-kapal dari China, Eropah, Siam, Jawa dan India untuk mendapatkan produk-produk keluaran Nusantara. Hal ini kerana harga yang ditawarkan oleh Johor jauh lebih kompetitif berbanding harga yang ditawarkan oleh VOC di Melaka dan Betawi.⁷ Malahan sewaktu di bawah pemerintahan Bugis, pelabuhan Johor di Riau semakin berkembang pesat seperti yang digambarkan oleh Raja Ali Haji dalam *Tuhfat-al-Nafis*:

Ramai (dan bertambah ramainya negeri) Riau, serta (dengan) makmurnya serta (dengan) orang-orang (yang di dalam) Riau (itu banyaklah yang) kaya-kaya, (seperti Syed Hussain Aidid adalah ia diam di Sungai Timun cukup dengan gedungnya serta perahu-perahu tiang sambungnya pergi ke Tanah Jawa berniaga, beberapa pula saudagar-saudagar Cina dan Bugis dan beberapa pula kapal dan keci dan wangkang kepala merah dan kepala hijau, berpuluh-puluh buah demikian lagi kapal dan keci demikian jua banyaknya yang berlabuh dalam negeri Riau (dan pulang pergi berniaga di dalam negeri Riau itu) apalagi perahu-perahu Bugis dan (perahu-perahu) Jawa dan tob Siam beratus-ratuslah yang berlabuh di dalam negeri Riau itu.⁸

Dalam keghairahan membina empayarnya, Johor juga terpaksa berhadapan dengan imperialisme yang datang dari alam Nusantara. Hal ini bertitik tolak daripada peristiwa pembunuhan Sultan Mahmud pada 1699 yang tidak meninggalkan waris

⁷ Khasnor binti Johan, 1972. “Empayar Johor-Riau Dalam Kurun Kedelapan-Belas”. Dalam, Zainal Abidin b. Abd Wahid (Penyunting). *Sejarah Malaysia Sa-pintas Lalu*. hlm. 51-53.

⁸ Virginia Matheson Hooker, 1991. *Tuhfat-al-Nafis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 388-389.

sehingga menimbulkan kepincangan dan pergolakan politik di negeri Johor.⁹ Situasi ini kemudiannya telah dieksploitasi dan dimanipulasi oleh kuasa-kuasa lain yang terdapat di alam Nusantara seperti Minangkabau dan Bugis untuk menjajah Johor. Kemasukan pengaruh Minangkabau dan Bugis telah menjejaskan ekosistem politik negeri Johor sehingga membawa kepada ketidakstabilan politik yang secara tidak langsung melemahkan pentadbiran Johor.

Jatuh bangun kesultanan Melayu Johor dalam menghadapi ancaman kuasa asing yang ingin meranakan kedaulatan Johor ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor sememangnya telah wujud sejak dahulu lagi. Apa yang membezakan perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor lama dan Johor moden ialah situasi dan corak perjuangan. Dalam konteks kerajaan Johor moden¹⁰ misalnya, cabaran utama datang dari luar rantau Nusantara iaitu pihak Barat. Oleh yang demikian, corak perjuangan serta tindak balas pemerintah Johor dalam berhadapan dengan pihak Barat adalah berbeza.

Sementara itu, iklim politik di kepulauan Melayu pada kurun ke-18 menyaksikan British sudah mula bertapak di Tanah Melayu iaitu bermula di Pulau Pinang pada tahun 1786.¹¹ Bertitik tolak dari itu, British telah mengorak langkah meluaskan kuasanya ke Singapura kerana dilihat berpotensi dijadikan sebagai pelabuhan entrepot yang mampu memberi saingan kepada Betawi yang berada di bawah cengkaman Belanda. Oleh yang demikian, pihak British sentiasa peka untuk

⁹ Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1461-1728 Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hlm. 256.

¹⁰ Kerajaan Johor moden diasaskan oleh Temenggung Ibrahim pada 10 Mac 1855. Di bawah pemerintahan dinasti yang baru, Johor mula mengorak langkah memantapkan kedaulatannya dengan melaksanakan proses transformasi dan pemodenan. Di bawah teraju kepimpinan dinasti Temenggung juga, kerajaan Johor moden muncul sebagai negeri Melayu termoden impak daripada proses pemodenan yang dilaksanakan secara agresif oleh Sultan Abu Bakar yang mula mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan Johor moden pada tahun 1862.

¹¹ Muhammad Haji Salleh, 2008. *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, hlm. 19.

menghidu dan mengeksploitasi peluang bagi menghalalkan campur tangannya di negeri Johor. Setiap denyut nadi pentadbiran Johor sentiasa diawasi oleh pihak British. Sebagai contoh, konflik perebutan takhta di negeri Johor pada awal kurun ke-19 telah dimanipulasi oleh British untuk mengheret Tengku Hussain menandatangani perjanjian pada 6 Februari 1819 sekali gus 'menghalalkan' kemasukan British ke Singapura, diikuti perjanjian 1824 yang mengabsahkan penguasaan British terhadap Singapura.¹²

Sewaktu pemerintahan Temenggung Daing Ibrahim di Singapura pada tahun 1856, pihak British, melalui Governor Blundell dalam usaha merealisasikan imperialisme British di Johor, telah mengutus surat ke Pejabat Tanah Jajahan di India menyatakan "...*the residence of an independent ruler in Singapore is the cause of some embarrassment to Government*".¹³ Hal ini berpunca daripada kegagalan Temenggung Daing Ibrahim mengawal gejala jenayah di Singapura. Situasi ini berterusan sehingga memaksa Johor menerima seorang Penasihat British secara rasmi pada tahun 1914. Pada masa yang sama, Pejabat Tanah Jajahan British juga seringkali 'menggagalkan' usaha Sultan Abu Bakar¹⁴ (mm.1862-1895) menarik pelabur asing melabur di Johor dalam usaha untuk meletakkan Johor di bawah pengaruh mereka.¹⁵

¹² Perjanjian ini secara tidak langsung meletakkan Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu sebagai wilayah kekuasaan British. Malah pada Ogos 1824 British kemudiannya dengan licik telah berjaya mendapatkan Singapura daripada Sultan Hussein. Lihat, Abdullah Zakaria, *Istana dan Politik Johor 1835-1885*. hlm. 20-22.

¹³ R.O. Winstedt, *A History of Johore (1365-1895 A.D)*. hlm. 94.

¹⁴ Nama sebenar Sultan Abu Bakar (1833-1895) ialah Wan Abu Bakar bin Daeng Ibrahim. Pada peringkat awal iaitu dari tahun 1862 hingga 1868, beliau menggunakan gelaran Temenggung Abu Bakar sebelum menggunakan gelaran Maharaja Abu Bakar pada tahun 1868 sekembali dari India dengan nama Temenggung Sri Maharaja Abu Bakar. Pada tahun 1886, setelah termeterainya *Perjanjian Persahabatan 1885*, barulah gelaran Maharaja Abu Bakar ditukar kepada Sultan Abu Bakar setelah permohonan Maharaja Abu Bakar untuk diiktiraf sebagai sultan bagi negeri Johor dan jajahan takluknya diperkenankan oleh Ratu Victoria. Dalam tesis ini, penulis akan menggunakan gelaran Sultan Abu Bakar yang turut merujuk kepada Temenggung Wan Abu Bakar dan Temenggung Sri Maharaja Abu Bakar.

¹⁵ Keith Sinclair, "Hobson and Lenin in Johore: Colonial Office policy Towards British Concessionaires and Investors". hlm. 338-339.

Asakan imperialisme British memaksa pemerintah Johor mengambil inisiatif untuk mempertahankan kedaulatan Johor. Pelbagai langkah telah dirintis dalam usaha tersebut. Singapura yang dahulunya merupakan jajahan takluk Johor dijadikan model untuk memodenkan Johor. Noriah Taslim dalam kajiannya menyatakan bahawa Johor dilihat begitu ghairah mengejar dan mendakap idea pemodenan yang dibawa oleh Barat.¹⁶ Oleh yang demikian, adalah tidak menghairankan jika kegiatan persuratkhabaran dan permajalahan yang rancak di Singapura telah menular ke negeri Johor. Fenomena persuratkhabaran dan permajalahan yang berkembang pesat di Johor pada kurun ke-20 secara tidak langsung telah membuka ruang kepada rakyat bawahan di negeri Johor untuk turut serta dalam kegiatan keintelektualan bagi mempertahankan kedaulatan Johor. Walaupun pendudukan Jepun pada 1942 dilihat telah melumpuhkan aktiviti penerbitan akhbar dan majalah di Johor, zaman pasca pendudukan Jepun menyaksikan akhbar-akhbar dan majalah-majalah di negeri itu muncul sebagai tulang belakang yang menyokong aspirasi orang Melayu yang menentang gagasan Malayan Union dan seterusnya merintis jalan ke arah mencapai kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957.

1.2 Sorotan Literatur

Memang tidak dapat dinafikan bahawa topik mengenai Johor menjadi perhatian dan tumpuan pengkaji sejarah yang ingin menjadikannya sebagai fokus utama kajian mereka. Hal ini dapat dilihat berdasarkan jumlah kajian-kajian terdahulu yang telah dibuat tidak kira sama ada dalam tema sosial (Abu Talib Ahmad, Md. Akbal Abdullah), politik (Abdullah Zakaria, Rahimah Abdul Aziz, Andaya, Nesamalar Nadarajah) mahupun sosioekonomi (Carl A. Trocky, Keith Sinclair dan Ichiro

¹⁶ Noriah Taslim, "Modenisme di Asia Tenggara: Pengalaman Riau pada Kurun Ke-19". hlm. 1.

Sugimoto).¹⁷ Pada masa yang sama, masih terdapat kelompangan dalam kajian mengenai Johor khususnya tentang peranan pemerintah dan golongan intelektual dalam mempertahankan kedaulatan negara. Situasi ini berpunca daripada gambaran yang direkayasa oleh pihak British seolah-olah kehadiran mereka di Tanah Melayu 'dijemput' oleh pemerintah-pemerintah Melayu sendiri. Stigma stereotaip ini secara tidak langsung membawa kepada kegagalan para pengkaji untuk mengesan peranan serta keterlibatan golongan pemerintah dan golongan intelektual dalam mempertahankan kedaulatan sesebuah negara.

Secara umumnya, kajian mengenai perjuangan orang Melayu mempertahankan kedaulatan tanah air mereka telah banyak disoroti oleh para pengkaji dari pelbagai sudut dan aspek baik dari nasionalisme mahupun gerakan anti-penjajah. Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu yang membincangkan perihal perjuangan mempertahankan kedaulatan tanah air khususnya menjadikan kurun ke-20 sebagai skop perbincangan mereka sering kali tidak membincangkan peranan golongan pemerintah sedangkan golongan ini menduduki hierarki tertinggi dalam sistem politik Melayu tradisional serta sangat berpengaruh dalam kalangan masyarakat Melayu. Sama ada imej dan watak golongan pemerintah tersebut terlepas

¹⁷ Antara kajian yang telah dijalankan dalam tema sosial di negeri Johor, lihat, Abu Talib Ahmad, 2000. "Perkahwinan dan Penceraian di Johor, 1942-1945. Satu Aspek Sejarah Sosial Zaman Jepun". Dalam, Mahani Musa & Tian Liok Ee (Penyunting), *Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia (Esei Sumbangan Kepada Dr Cheah Boon Kheng)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. Lihat juga, Md. Akbal Abdullah, 2003. "Pertubuhan-pertubuhan Melayu di Johor (1945-1957): Amalan dan Kecenderungan Masyarakat Melayu Pra-Merdeka Berpersatuan". *Jurnal Warisan Johor*. Jilid VII. Bagi tema politik pula lihat, Abdullah Zakaria Ghazali, 1997. *Istana dan Politik Johor*. Kuala Lumpur: Yayasan Penantaran Ilmu; Rahimah Abdul Aziz, 1997. *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Leonard Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1461-1728 Pembangunan Ekonomi dan Politik*; Nesamalar Nadarajah. *Johore and Origins of British Control, 1895-1914*. Bagi tema ekonomi pula rujuk, Carl. A. Trocki, 1979. *Prince of Pirates. The Temenggongs and The Development of Johore and Singapore 1784-1885*. Singapore: Singapore University Press; K. Sinclair, 1967. "Hobson and Lenin in Johore: Colonial Office Policy Towards British Concessionaires and Investors, 1878-1907". *Modern Asian Studies*, Vol. 1, Part 4 dan Ichiro Sugimoto, 2011. *Pentadbir Kewangan Kolonial Johor*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

pandang, sengaja ditenggelamkan atau golongan pemerintah sememangnya tidak berbuat apa-apa untuk mempertahankan kedaulatan tanah air mereka.

Radin Seonarno misalnya dalam “Malay Nationalism 1896-1941”, mengklasifikasikan nasionalisme Melayu kepada tiga peringkat iaitu bermula pada tahun 1906 yang digerakkan oleh golongan modernis agama menerusi akhbar *Al-Imam*.¹⁸ Tahap kedua pula bermula sekitar tahun 1920-an menerusi perjuangan Kesatuan Melayu Singapura yang diterajui oleh Mohammed Eunus Abdullah. Tahap yang ketiga pula bersifat politik dengan kemunculan Kesatuan Melayu Muda yang terpengaruh dengan situasi politik di Indonesia. Golongan pemerintah Melayu iaitu raja-raja Melayu tidak termasuk dalam ketiga-tiga tahap ini, sebaliknya golongan rakyat biasa dilihat mendominasi ketiga-tiga tahap ini. Hal ini memperlihatkan seolah-olah golongan pemerintah Melayu tidak berbuat apa-apa untuk memelihara kedaulatan tanah air mereka. Hal yang sama turut digambarkan oleh William Roff dalam kajiannya *Nasionalisme Melayu*. Roff juga dilihat tidak menyentuh mengenai perihal golongan pemerintah dalam memperjuangkan kedaulatan tanah air.¹⁹

Antara kajian lain yang turut membincangkan perjuangan orang Melayu mempertahankan kedaulatan negara ialah *Bangsa Melayu Menggugat Dunia* oleh Mokhtar Petah. Dalam kajian ini, Mokhtar menerangkan asal-usul orang Melayu di samping menceritakan secara kronologi perjuangan orang Melayu sejak zaman batu lagi.²⁰ Walau bagaimanapun, perbincangannya tidak menyeluruh dan hanya menyentuh contoh perjuangan orang Melayu secara sepintas lalu sahaja. Selain itu, kajiannya ini hanya menceritakan perjuangan bangsa Melayu di Tanah Melayu

¹⁸ Radin Seonarno, 1960. “Malay Nationalism, 1900-1945”, *Journal of Southeast Asian History*, Jil. 1. hlm. 1-28.

¹⁹ Lihat, Roff, W. R. (Terjemahan oleh Ahmad Boestamam). 2003. *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

²⁰ Mokhtar Petah, 1966. *Bangsa Melayu Menggugat Dunia*. Kelantan: Pustaka Aman Press. hlm. 13.

secara umum dan tidak memfokuskan kepada sesebuah negeri Melayu secara spesifik. Begitu juga dengan kajian Abdullah Zakaria, “Sejarah Malaysia: Sorotan Masa lalu, Iktibar Hari ini dan Akan Datang”. Dalam kajiannya ini, Abdullah menyentuh beberapa siri perjuangan orang Melayu menentang imperialisme Barat bermula tahun 1511 hingga 1957.²¹ Walau bagaimanapun, beberapa siri perjuangan tersebut dilihat daripada perspektif se-Malaysia dan hanya dikupas secara sepintas lalu serta tidak dikupas secara terperinci. Bahkan dalam kajiannya ini, peranan golongan pemerintah khususnya pada kurun ke-20 tidak dikupas.

Penulisan sejarah perjuangan orang Melayu menentang penjajah kemudiannya diteruskan oleh Abdul Rahman Haji Abdullah dalam *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950 Pengaruh Agama dan Tarekat*. Penulisannya ini hanya menyentuh perjuangan orang Melayu secara ringkas serta bersifat naratif dengan menceritakan kronologi perjuangan orang Melayu dari tahun ke tahun dengan tumpuan dan fokus terarah kepada pengaruh agama Islam terhadap perkembangan perjuangan orang Melayu di Tanah Melayu.

Kajian mengenai peranan golongan intelektual di Malaysia pula dirintis oleh Syed Hussein Alatas dalam *Intelek Masyarakat Membangun*. Dalam penulisannya ini, beliau telah mentakrifkan golongan intelektual serta menggariskan ciri-ciri seseorang intelektual. Walau bagaimanapun, Syed Hussein Alatas tidak pula menyentuh peranan golongan intelektual di Tanah Melayu dalam mempertahankan kedaulatan negara sebaliknya cenderung untuk mengambil contoh dari Filipina dan Indonesia untuk menggambarkan peranan golongan tersebut dalam mempertahankan kedaulatan sesebuah negara. Hal ini seolah-olah menggambarkan golongan

²¹ Abdullah Zakaria, “Sejarah Malaysia: Sorotan Masa Lalu, Iktibar Hari ini dan Akan Datang”. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. hlm. 1-17.

intelektual di Tanah Melayu pada ketika itu mengalami sindrom “kelesuan” dalam berhadapan dengan imperialisme Barat.

Perbincangan mengenai perjuangan orang Melayu kemudiannya diperkemas oleh Abdul Rahman Haji Ismail yang melihat perjuangan orang Melayu ini dalam konteks nasionalisme. Bermula dengan “Takkan Melayu Hilang di Dunia: Suatu Sorotan Tentang Nasionalisme Melayu”, walaupun tidak menjustifikasikan secara spesifik tarikh permulaan nasionalisme Melayu, beliau menghujahkan bahawa nasionalisme Melayu sudah wujud sebelum tahun 1930-an lagi sekali gus menyangkal hujah nasionalisme yang diutarakan Jan Pluvier. Menurut Pluvier, nasionalisme Melayu hanya mula wujud pada tahun 1950-an.²² Selain itu, kajiannya ini cenderung untuk memfokuskan kepada takrifan ‘bangsa Melayu’ dan ‘Melayu’ dalam konteks nasionalisme Melayu. Kajiannya ini kemudiannya dikemaskinikan dalam dua makalahnya yang terkemudian iaitu “Bangsa: Ke Arah Ketetapan Makna dalam Membicarakan Nasionalisme Melayu” dan “Perjuangan Nasionalisme Melayu: Wacana Pensejarahan”.

Dalam dua buah makalahnya ini, Abdul Rahman menekankan makna nasionalisme Melayu dengan mencerakinkannya dari dalam berdasarkan istilah tempatan.²³ Selain itu, beliau turut menggariskan ciri-ciri nasionalisme seperti negara dan bangsa. Dalam konteks ini, beliau telah mengklasifikasikan bangsa kepada

²² Dalam kajiannya Pluvier mendakwa bahawa nasionalisme Melayu yang wujud sebelum tahun 1930-an hanyalah mitos semata-mata. Abdul Rahman Haji Ismail, 1985. “Takkan Melayu Hilang di Dunia: Suatu Sorotan Tentang Nasionalisme Melayu”. Dalam, R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail. *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti. hlm. 37-38. Lihat juga, Jan M. Pluvier. 1967. “Malayan Nationalism: A Myth”. *Journal of Historical Society University of Malaya*. hlm. 26-40.

²³ Abdul Rahman Haji Ismail, 2006. “Bangsa: Ke Arah Ketetapan Makna dalam Membicarakan Nasionalisme Melayu”. Dalam, Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Ariffin & Nazaruddin Zainun (Penyunting). *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia Pengamatan Sejarah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. hlm. 2-4.

bangsa keturunan, budaya dan politik.²⁴ Beliau juga cuba menggambarkan nasionalisme Melayu dari sudut tempatan dan pada masa yang sama turut menyentuh nasionalisme Melayu dari kaca mata negeri Melayu sebagai sebuah entiti yang terpisah antara satu sama lain di mana setiap negeri mempunyai kedaulatan dan memiliki sistem politik yang berbeza.²⁵ Walau bagaimanapun, beliau hanya menyentuh secara sepintas lalu sahaja tanpa menerangkannya secara terperinci.

Keith Sinclair pula cenderung untuk mengupas muslihat dan helah Pejabat Tanah Jajahan British serta Gabenor Negeri-negeri Selat untuk ‘memerangkap’ dan membawa masuk Johor ke dalam pengaruhnya.²⁶ Dalam konteks ini, beliau memperlihatkan usaha-usaha menghalang kemasukan modal asing ke Johor untuk mewujudkan situasi kebergantungan kepada British di Johor. Tinjauan ke atas karya tempatan terawal mengenai Johor iaitu tulisan Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman berjudul *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* mendapati buku ini hanya memfokuskan kepada sejarah perkembangan negeri Johor moden dari zaman pemerintahan Temenggung Ibrahim (mm.1855-1862) sehingga kemangkatan Sultan Abu Bakar (mm. 1862-1895). Haji Muhammad Said dalam tulisannya ini tidak mengupas isu mengenai nasionalisme, sebaliknya lebih memfokuskan kepada sejarah perkembangan negeri Johor yang ditulis secara naratif.²⁷

²⁴ Abdul Rahman Haji Ismail, “Bangsa: Ke Arah Ketetapan Makna dalam Membicarakan Nasionalisme Melayu”. Dalam, Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Ariffin & Nazaruddin Zainun (Penyunting). *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia Pengamatan Sejarah*. hlm. 5.

²⁵ Abdul Rahman Haji Ismail, “Perjuangan Kemerdekaan dan Nasionalisme Wacana Persejarahan”. Dalam, Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Ariffin & Nazaruddin Zainun (Penyunting). *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia*. hlm. 49.

²⁶ Keith Sinclair, “Hobson and Lenin in Johore”. hlm. 335-352.

²⁷ Muhammad Said bin Haji Sulaiman, 1930. *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*. Singapura: Pejabat Cetak Malaya House Publishing House Limited. hlm. 63-66.

Leonard Y. Andaya dalam karya berjudul *Kerajaan Johor 1461-1728 Pembangunan Ekonomi dan Politik* pula cenderung untuk memberi tumpuan kepada kerajaan Johor lama iaitu merujuk kepada kerajaan Johor yang muncul silih berganti pasca keruntuhan empayar kesultanan Melayu Melaka sehingga tahun 1728.²⁸ Andaya dalam kajiannya, memberi tumpuan terhadap konflik dalam pemerintahan di Johor pada ketika itu yang secara tidak langsung telah mempengaruhi corak politik Johor moden tanpa mengaitkan konflik yang timbul itu dengan perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor.

R.O. Winstedt dalam *A History of Johore (1365-1895 A.D)* turut memulakan pembincangan mengenai sejarah Johor dengan menceritakan latar belakang Johor lama yang bermula dari zaman perpecahan empayar Melaka. Skop perbincangan Winstedt dilihat lebih luas berbanding Andaya. Malahan, Winstedt turut menyentuh tentang kemajuan negeri Johor yang dirintis oleh Temenggung Ibrahim dan kemudiannya digembleng oleh waris-warisnya seperti Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim.²⁹ Penulisan beliau dilihat memberi penekanan terhadap usaha yang dilakukan oleh pemerintah Johor untuk meneutralkan ancaman British di negeri Johor. Misalnya, langkah pemansuhan undang-undang Islam yang digantikan dengan sistem perundangan Barat.³⁰ Namun, Winstedt tidak melihat usaha mengekang asakan imperialism British tersebut sebagai sebahagian daripada perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor sebaliknya cenderung melihat tindakan tersebut sebagai usaha untuk mengukuhkan kedudukan dinasti Temenggung sebagai pemerintah Johor.

²⁸ Leonard Y. Andaya. *Kerajaan Johor 1461-1728*. hlm. 29.

²⁹ R. O. Winstedt, *A History of Johore*. hlm. 91-120.

³⁰ R. O. Winstedt, *A History of Johore*. hlm. 97.

Nama Ahmad Fawzi Basri sememangnya cukup sinonim dengan bidang penulisan sejarah negeri Johor. Ahmad Fawzi telah menghasilkan dua buah penulisan berkaitan sejarah negeri Johor. Karya pertama beliau mengenai negeri Johor ialah *Johor 1855-1917, Pentadbiran dan Perkembangannya*. Dalam karyanya ini, beliau lebih memfokuskan proses penubuhan negeri Johor moden di bawah kepimpinan keluarga Temenggung di Teluk Belanga yang kemudiannya berpindah ke Tanjung Puteri. Dalam penulisannya ini, beliau hanya memfokuskan kepada aspek pentadbiran di negeri Johor dengan membahagikannya kepada tiga fasa. Pada masa yang sama beliau turut menyentuh mengenai proses modenisasi yang telah dilaksanakan oleh Sultan Abu Bakar.³¹ Walau bagaimanapun, beliau tidak mengaitkan proses pemodenan yang dilaksanakan itu sebagai sebahagian daripada perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor sama seperti kajiannya dalam *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan dari Pelbagai Aspek* yang ditulisnya bersama Hasrom Harun.

Rahimah Abdul Aziz dalam bukunya *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah* memfokuskan kepada proses transformasi dan modenisasi yang dilaksanakan oleh pemerintah Johor. Beliau turut menyentuh mengenai situasi di negeri Johor sewaktu di ambang kedatangan British di samping '*modus operandi*' dan tipu helah yang dilakukan oleh pihak British untuk menggugat kedaulatan negeri Johor. Pada masa yang sama, Rahimah turut menyentuh mengenai tindak balas yang diambil oleh pemerintah Johor untuk meneutralkan imperialisme British. Namun, skop perbincangannya mengenai usaha meneutralkan imperialisme British tersebut lebih tertumpu kepada aspek pemodenan

³¹ Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*. hlm. 93-121.

dan pembaratan di Johor mengikut perspektif sosiologi tanpa mengaitkannya sebagai sebahagian daripada perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor.

Percaturan politik di negeri Johor telah dikupas oleh Ramlah Adam dalam karya berjudul *Gerakan Radikalisme di Malaysia, 1938-1965*. Beliau cuba menelusuri kegiatan radikalisme di Tanah Melayu dengan menyentuh kerancangan kegiatan politik menjelang tahun 1930-an menyaksikan persatuan-persatuan seperti Kesatuan Melayu Johor (KMJ) bersaing sengit dengan Persatuan Melayu Johor (PMJ). Walau bagaimanapun, sebagaimana skop tajuk kajiannya, Ramlah hanya memfokuskan kepada perkembangan politik di negeri Johor yang membawa kepada kemunculan *United Malays National Organization* (UMNO) pada 1946. Perjuangan orang Melayu Johor mempertahankan kedaulatan negara mereka pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20, tidak dikupas oleh Ramlah.

A. Rahman Tang pula dalam tesis berjudul “Interpreting Abu Bakar The Ruler of Johor (1862-1895): The Reconstruction of Selected Issues” membincangkan karakter dan ketokohan Sultan Abu Bakar sebagai pemerintah Johor. Dalam konteks ini, beliau turut mengupas isu pemodenan dan pembaratan yang dilaksanakan Johor.³² Selain itu, A. Rahman Tang juga menyentuh tentang reaksi dan tindak balas Sultan Abu Bakar dalam menghadapi konflik yang tercetus akibat usaha Gabenor Weld (1880-1887) untuk mencabuli kedaulatan Johor.³³ Beliau juga menganalisis beberapa siri lawatan Sultan Abu Bakar ke luar negara dengan membandingkan dengan sumber tempatan dan sumber yang diperoleh dari luar.

³² A. Rahman Tang Abdullah, 2007. *Interpreting Abu Bakar The Ruler of Johor (1862-1895): The Reconstruction of Selected Issues*. Tesis Doktor Falsafah, School Oriental and African Studies University of London. hlm. 146-162.

³³ A. Rahman Tang Abdullah. *Interpreting Abu Bakar The Ruler of Johor (1862-1895)*. hlm.124-145.

Secara keseluruhannya, walaupun penulisan mengenai sejarah Johor telah disoroti oleh beberapa orang pengkaji, masih terdapat ruang-ruang tertentu yang perlu diisi mengenai perjuangan pemerintah dan golongan intelektual Johor antara tahun 1862 hingga 1957 khususnya dalam aspek perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa kajian mengenai peranan pemerintah dan golongan intelektual dalam mempertahankan kedaulatan Johor 1862 hingga 1957 merupakan satu ruang kajian yang belum diterokai secara terperinci.

1.3 Permasalahan Kajian

Sungguhpun terdapat banyak kajian yang mengupas perihal perjuangan menentang imperialisme British, kebanyakan kajian cenderung untuk melihat fenomena perjuangan tersebut dalam konteks Malaysia sebagai sebuah persekutuan sebagaimana yang terdapat pada hari ini. Hal ini secara tidak langsung mengakibatkan para pengkaji terlepas pandang mengenai peranan yang dimainkan oleh pemerintah dan golongan intelektual di sesebuah negeri Melayu dalam usaha menangkis asakan imperialisme British bagi mempertahankan kedaulatan tanah air mereka. Situasi ini seterusnya menatijahkan golongan pemerintah Melayu digambarkan sebagai pihak yang bertanggungjawab ‘menjemput masuk’ British untuk campur tangan di Tanah Melayu.

Persoalannya kini, adakah golongan pemerintah, dalam konteks kajian ini, di negeri Johor, bersikap dayus dengan hanya berpeluk tubuh melihat kuasa asing mencabul kedaulatan negara yang diterajuinya? Apakah tiada sebarang inisiatif yang diambil oleh pemerintah Johor untuk mempertahankan kedaulatan Johor atau setidak-tidaknya cuba untuk meminimumkan serta melambatkan imperialisme British? Jika ada, apakah ‘*modus operandi*’ yang digunakan dalam usaha

mempertahankan kedaulatan Johor serta siapakah tulang belakang di sebalik usaha pemerintah dalam mempertahankan kedaulatan Johor? Oleh yang demikian, kajian ini cuba merungkai segala persoalan di atas dengan melihat Johor sebagai sebuah **negara Melayu** yang mempunyai sistem politik dan pemerintahan yang tersendiri.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikemukakan pada sub-topik 1.3, tesis ini cuba menjawab persoalan-persoalan yang telah dikemukakan. Bagi menjawab persoalan-persoalan tersebut, tesis ini telah menggariskan beberapa objektif untuk dicapai pada akhir kajian iaitu:

- Mengkaji perkembangan perjuangan pemerintah dan golongan intelektual dalam mempertahankan kedaulatan negeri Johor dari tahun 1862-1957 serta meneliti peranan yang dimainkan oleh kedua pihak ini bagi menangkis dakwaan bahawa golongan pemerintah tidak berperanan dalam perjuangan mempertahankan tanah air mereka.
- Menganalisis corak perjuangan yang digunakan oleh pemerintah dan golongan intelektual di negeri Johor dalam berhadapan dengan imperialisme British.
- Mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab merintis dan mendukung perjuangan ini di negeri Johor sepanjang tempoh 1862 hingga 1957.

Dalam konteks ini, kajian ini menghujahkan bahawa, walaupun ada pasang surutnya, kerjasama antara pemerintah dengan golongan intelektual dalam mempertahankan kedaulatan Johor sentiasa hidup dan bergerak seiring dengan peredaran zaman dan keperluan semasa. Perlu ditegaskan dalam perbincangan ini bahawa berjaya atau gagal perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor bukanlah kayu ukuran atau parameter yang ingin diukur dalam kajian ini. Sebaliknya kajian ini cuba mengesan serta memperlihatkan sumbangan pemerintah dan golongan intelektual dalam mempertahankan kedaulatan Johor sekali gus memecahkan stigma yang menyatakan

bahawa golongan pemerintah Melayu sewaktu zaman kolonial bersifat ‘dayus’ dengan menghalalkan imperialisme British di negara yang mereka terajui.

1.5 Skop Kajian

Fokus utama penulisan tesis ini adalah berkisar pada tema sejarah politik Malaysia iaitu mengenai peranan pemerintah dan golongan intelektual dalam mempertahankan kedaulatan Johor bermula dari tahun 1862 hingga 1957. Negeri Johor dipilih sebagai fokus kajian kerana Johor merupakan negeri Melayu yang paling moden di antara negeri-negeri Melayu yang lain kecuali Negeri-negeri Selat di samping kedudukan geografinya yang dikepung oleh British di bahagian utara dan selatannya. Tambahan pula, Johor adalah merupakan negeri Melayu yang terakhir jatuh ke dalam cengkaman imperialisme British iaitu pada tahun 1914.³⁴ Malahan UMNO yang seringkali dilabelkan sebagai ‘hero’ dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 telah lahir di Johor. Hal ini menjadikan perkembangan politik Johor amat menarik untuk dibincangkan.

Tahun 1862 dijadikan sebagai titik permulaan kajian kerana pada tahun tersebut secara rasminya ‘Bapa Pemodenan Johor’³⁵ iaitu Sultan Abu Bakar mengambil-alih tampuk kepimpinan negeri Johor akibat kemangkatan Temenggung Ibrahim.³⁶ Tambahan pula, tahun 1862 dilihat oleh ramai pengkaji seperti Winstedt, Ahmad Fawzi Basri dan Emerson sebagai permulaan proses pemodenan Johor yang

³⁴ Penguasaan British ke atas negeri-negeri Melayu bermula seawal tahun 1786 yang menyaksikan kejayaan Francis Light mendapatkan Pulau Pinang daripada sultan kedah melalui tipu muslihat. Hal ini kemudiannya disusuli dengan penguasaan ke atas Singapura pada tahun 1819, Melaka pada 1824 serta Perak, Negeri Sembilan dan Selangor pada tahun 1874. British seterusnya meluaskan cengkamannya ke Pahang pada 1888 dan ke Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu pada tahun 1909. Penguasaan British ke atas seluruh Tanah Melayu dilengkapkan pada tahun 1914 yang menyaksikan Johor di bawah Sultan Ibrahim menerima Penasihat British secara rasminya.

³⁵ Istilah ‘bapa pemodenan Johor’ ini mula diberikan kepada Sultan Abu Bakar oleh R.O. Winstedt yang kemudiannya diikuti oleh penulis-penulis lain seperti Ahmad Fawzi Basri, Buyong Haji Adil dan lain-lain.

³⁶ Muhammad Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor*. hlm. 13.

menyaksikan pengaruh Barat dibawa masuk ke dalam sistem pentadbiran Johor secara besar-besaran. Fenomena ini sekali gus membawa kepada kemunculan Johor yang baharu di mana landskap sosialnya berbeza dengan Johor yang diterajui oleh Temenggung Ibrahim dahulu.

Oleh itu, tempoh sepanjang 1862 hingga 1957 dipilih untuk **membuktikan** bahawa sepanjang tempoh tersebut perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor sentiasa hidup dalam pelbagai ragam. Oleh yang demikian, kajian ini menyorot beberapa isu seperti reformasi pentadbiran dan adat istiadat oleh Sultan Abu Bakar, pengubalan *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, perkembangan sistem pendidikan serta kegiatan persuratkhabaran dan permajalahan di negeri Johor untuk menggambarkan komitmen dan aspirasi pemerintah serta intelektual Johor dalam memperjuangkan mempertahankan kedaulatan Johor. Dalam konteks ini, perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama merujuk kepada perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor daripada terjerumus ke dalam cengkaman kuasa asing iaitu dari tahun 1862 hingga 1914 manakala fasa kedua yang bermula dari tahun 1914-1957 pula merujuk kepada perjuangan untuk merebut kembali kedaulatan Johor atau setidak-tidaknya meminimumkan penguasaan British di Johor. Kajian ini berakhir sehingga tahun 1957 kerana selepas tempoh tersebut negeri Johor telah mencapai kemerdekaannya melalui penggabungan dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam konteks kajian ini, pemerintah adalah merujuk kepada ketua negara Johor dan jajahan takluknya iaitu sultan Johor. Intelektual pula, menurut Syed Hussein Alatas adalah merujuk kepada individu yang memusatkan diri untuk memikirkan idea dan masalah '*non-material*' dengan menggunakan kemampuan

akliah.³⁷ Antonio Gramsci pula menghujahkan semua manusia berpotensi untuk muncul sebagai seorang intelektual, namun ia bergantung pada kepandaian yang dimiliki dan bagaimana seseorang itu memanfaatkan kepandaiannya.³⁸ Sewaktu membicarakan mengenai intelektual, Gramsci telah mengklasifikasikan golongan intelektual kepada dua fragmen iaitu intelektual tradisional dan juga intelektual ‘organik’.³⁹ Intelektual tradisional merujuk kepada kaum pujangga, ilmuwan dan sebagainya manakala intelektual ‘organik’ pula merujuk kepada individu-individu yang menjadi elemen pemikir dan koordinator dalam sesebuah kelas sosial.

Usman Awang sewaktu menyampaikan syarahan mengenai ‘Peranan Intelektual’ kepada pelajar-pelajar Malaya dan Singapura anjuran London Union of Malaysian Student (LUMS) pada 25 Mei 1970 mentakrifkan intelektual sebagai individu yang mempunyai ilmu fikiran dan sentiasa memperkembangkan ilmunya selari dengan perkembangan zaman.⁴⁰ Individu tersebut juga sentiasa berfikir untuk mengembangkan ideanya serta menggunakan ilmu dan ketajaman fikirannya untuk mengkaji, menganalisis, dan merumuskan segala perkara dalam kehidupan manusia, terutama masyarakatnya untuk mencari dan menegakkan kebenaran.

Dalam konteks negeri Johor, golongan intelektual lahir daripada sistem pendidikan yang telah diperkenalkan oleh Temenggung Ibrahim. Jika diimbangi kembali sejarah pendidikan di negeri Johor, Temenggung Ibrahim pada tahun 1846 telah memecah tradisi pendidikan orang Melayu dan mengambil pendekatan menongkah arus melalui pembukaan sebuah sekolah khas untuk mendidik anak-anak

³⁷ Syed Hussain Alatas, 1991. *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 10.

³⁸ Quintin Hoare & Geoffrey Nowell Smith (Penyunting), 1971. *Selected From the Prison Notebooks of Antonio Gramsci*. New York: International Publisher. hlm. 5.

³⁹ Quintin Hoare & Geoffrey Nowell Smith, *Selected From the Prison Notebooks of Antonio Gramsci*. hlm. 5.

⁴⁰ Usman Awang & Pramodya Anata Toer, 1987. *Peranan Intelektual*. Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial. hlm. 1-2.

pembesar Johor di Kampung Gelam dan Teluk Belanga. Sekolah ini secara tidak langsung telah melahirkan sekelompok golongan intelektual yang kemudiannya diserap masuk ke dalam pentadbiran negeri Johor.

Perlu ditekankan dalam perbincangan ini bahawa meskipun mereka diserapkan ke dalam sistem pentadbiran birokrasi di negeri Johor, namun golongan ini tidak tertumpu dan terikat dalam sesuatu bidang tugas sahaja. Mereka sebaliknya melibatkan diri aktiviti keintelektualan. Dato' Bentara Dalam Ibrahim bin Abdullah Munsyi misalnya, meskipun menjawat jawatan sebagai Dato' Bentara Dalam dan perlu mengelolakan perjalanan sekolah-sekolah di negeri Johor, namun pada masa yang sama beliau turut terlibat dalam aktiviti keintelektualan seperti penulisan buku untuk dijadikan 'buku teks' untuk sekolah-sekolah Melayu dan menggubal *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*. Begitu juga dengan Dr. Hamzah Taib, meskipun profesionnya dalam bidang perubatan namun beliau tetap aktif sebagai aktivis politik di Muar.⁴¹

Frasa kedaulatan pula berasal daripada kata akar 'daulat' yang merujuk kepada elemen yang memberi keistimewaan kepada golongan pemerintah sekali gus meletakkan mereka di puncak tertinggi hierarki sistem politik Melayu tradisional.⁴² Menerusi 'daulat', pemerintah Melayu memperoleh ketaatan dan kesetiaan daripada golongan rakyat. Elemen "daulat" ini juga membolehkan golongan pemerintah berkuasa untuk memerintah, serta berhak sepenuhnya terhadap urusan dan pemerintahan kerajaan dan negeri mereka. Kedaulatan pula bermaksud kedudukan yang tertinggi. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, frasa kedaulatan

⁴¹ Dr. Hamzah Taib berjuang melalui Kesatuan Melayu Johor dengan menjadikan kliniknya di No. 47, Jalan Ibrahim sebagai tempat persidangan. Lebih awal sebelum itu, Dr. Hamzah Taib berjuang melalui *Muar Club* dan kerap-kali memperjuangkan hak-hak dan kepentingan orang Melayu di Muar. Lihat, Shaharom Husain, 2007. *Di Bawah Tikaman Garpu*. Bangi Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 59.

⁴² J. M. Gullick, (1978). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 73

merujuk kepada kemerdekaan. Kedaulatan bermaksud kebebasan untuk menjalankan urusan pemerintahan serta bebas daripada kawalan daripada pihak luar.

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama merupakan bab pengenalan. Bab kedua membincangkan peranan pemerintah dalam menentukan haluan sejarah negaranya dengan merujuk kepada dinasti Temenggung. Bab ini mengupas '*modus operandi*' yang diguna pakai oleh dinasti Temenggung untuk memantapkan kedaulatan Johor dalam berhadapan dengan imperialisme British. Bab ini juga membahaskan keberkesanan langkah yang diambil dalam usaha untuk melengah-lengahkan dan membendung kemaraan British di Johor. Bab ini menghujahkan bahawa pihak pemerintah sebenarnya bukan sahaja merupakan pelopor yang giat memperjuangkan kedaulatan Johor bahkan memainkan peranan proaktif dalam mengekang penjajahan British.

Sementara itu, bab ketiga pula mengupas perihal undang-undang sebagai senjata untuk menyekat cita-cita imperialisme British. Melalui bab ini, penulis menghujahkan bahawa penggubalan *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895* adalah kemuncak perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor bagi fasa yang pertama. Pada masa yang sama, bab ini juga mengupas usaha pemerintah dan golongan intelektual dalam mendaulatkan kedudukan orang Melayu Johor melalui undang-undang. Hal ini secara tidak langsung membuktikan komitmen pemerintah dan golongan intelektual Johor dalam memelihara kedaulatan Johor.

Bab keempat pula membincangkan sistem pendidikan di Johor sebagai satu wadah perjuangan dalam memelihara kedaulatan Johor. Bab ini memperlihatkan kebijaksanaan pemerintah dan golongan intelektual Johor dalam merangka strategi halus untuk mengekang imperialisme budaya Barat ke atas negeri Johor. Hal ini kerana penekanan pemerintah Johor terhadap bidang pendidikan seawal tahun 1846

tentunya mempunyai maksud dan matlamat yang tersirat. Tumpuan juga diberikan kepada sukatan pelajaran dan aktiviti kokurikulum yang terkandung dalam sistem pendidikan di Johor. Hal ini bagi membuktikan bahawa sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh pemerintah Johor berperanan sebagai perisai dan vaksin dalam meneutralkan ancaman imperialisme budaya Barat dan pada masa yang sama turut dijadikan serampang dua mata untuk menyemai semangat cintakan tanah air dalam kalangan murid selari dengan hasrat untuk mempertahankan kedaulatan Johor.

Sementara itu, bab kelima pula membincangkan pemikiran dan keintelektualan rakyat Johor dalam memperjuangkan kedaulatan tanah air dengan menjadikan aktiviti penerbitan akhbar dan majalah sebagai platform untuk turut serta dalam arus perjuangan tersebut. Pada masa yang sama, bab ini turut menganalisis isu-isu yang diutarakan oleh akhbar dan majalah di Johor. Hal ini kerana akhbar dan majalah merupakan komponen penting dalam perjuangan memperjuangkan kedaulatan Johor di peringkat bawahan. Tanpa akhbar dan majalah, idea kesedaran untuk memperjuangkan kedaulatan Johor tidak dapat disemaikan dalam benak fikiran rakyat Johor.

Dalam erti kata lain, akhbar dan majalah merupakan komponen utama dalam memobilisasikan sokongan rakyat agar turut serta berganding bahu dengan pemerintah dan golongan intelektual Melayu lainnya dalam memperjuangkan kedaulatan Johor. Pada masa yang sama, melalui saluran akhbar dan majalahlah golongan bawahan dapat turut serta dalam aktiviti keintelektualan sekali gus menempatkan diri mereka dalam kelompok golongan intelektual. Bab terakhir pula adalah merupakan bab kesimpulan.

1.6 Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, pelbagai kaedah diaplikasikan dalam usaha untuk merungkai beberapa isu dalam perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor. Untuk menjawab persoalan ini, kaedah analisis kualitatif yang menekankan aspek pentafsiran, deskripsi dan induksi digunakan. Melalui kajian kualitatif gambaran tentang suasana dan situasi masa lampau dapat dikesan.⁴³ Hal ini kerana catatan-catatan rasmi yang tercatat pada fail-fail dan rekod rasmi bukan sahaja mengandungi pelbagai maklumat dan statistik tentang aspek kehidupan kelompok masyarakat yang dikaji, bahkan mengandungi maklumat mengenai kepercayaan, budaya serta nilai yang dianuti oleh masyarakat.⁴⁴

Selain itu, dokumen arkib mengandungi fakta terperinci tentang sesuatu perkara di samping deskripsi tentang pemikiran seseorang individu. Hal ini secara tidak langsung membantu penyelidik mendapatkan gambaran tentang keadaan pada zaman silam. Sebagai contoh, analisis dan kritikan dalaman terhadap kandungan surat-menyurat seseorang individu secara tidak langsung membantu penyelidik mentafsir pemikiran si pelaku sejarah. Penelitian terhadap akhbar-akhbar sezaman pula, membantu memberi pemahaman tentang iklim politik, reaksi dan tindak balas masyarakat terhadap sesuatu perkara. Laporan-laporan yang terpampang di dada-dada akhbar pada tahun 1946 misalnya, mencerminkan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union. Akhbar sezaman juga melengkapkan lompang-lompang yang terdapat di dalam fail rasmi. Analisis kualitatif pada masa yang sama dapat membantu pengkaji menginterpretasikan sesuatu isu berdasarkan bukti-bukti yang ditemui dalam rekod-rekod rasmi dan akhbar sezaman dengan melakukan analisis kandungan.

⁴³ Othman Lebar, 2006. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Method*. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris. hlm. 1-10.

⁴⁴ Othman Lebar.. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Method*, hlm. 137-141.

Kajian ini turut melibatkan kaedah arkib di mana penulis meneliti dan menganalisis sumber-sumber primer yang terdapat di gedung tersebut. Antara sumber primer yang dirujuk dalam kajian ini ialah fail *Pejabat Menteri Besar Johor*, *Pejabat Setiausaha Johor*, *Sultan Letterbooks*, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, *Salinan Surat-surat Dato' Menteri* di samping akhbar-akhbar berpengaruh di negeri Johor bagi tempoh 1919 hingga 1957 seperti *Idaman*, *Masa*, *Bulan Melayu*, *Lembaga Malaya*, *Jasa* dan lain-lain untuk mendapatkan gambaran tentang perjuangan mempertahankan kedaulatan Johor. Sumber-sumber ini terdapat di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Arkib Negara Kuala Lumpur dan cawangannya di Johor. Pada masa yang sama, rujukan turut dibuat kepada fail-fail British seperti fail *Colonial Office*, *Johore British Adviser* dan *Singapore and Straits Directory*. Bagi memantapkan lagi kajian ini, memoir yang dihasilkan oleh beberapa orang nasionalis dan aktivis politik yang dilahirkan atau pernah berjuang serta menetap di negeri Johor seperti Ishak Haji Muhammad, Shaharom Husain, dan Khatijah Sidek turut digunakan. Hal ini bagi mengisi kelompangan yang terdapat dalam rekod-rekod dan dokumen rasmi kerajaan.

Kajian ini juga melibatkan kaedah kepustakaan bagi mendapatkan sumber sekunder yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Antara yang dirujuk ialah buku, artikel, dan juga tesis. Kajian kepustakaan ini melibatkan Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, Pusat Sumber Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pejabat Yayasan Warisan Johor dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini turut memberi penekanan kepada sumber tempatan melalui kajian historiografi yang melibatkan penggunaan hikayat seperti *Hikayat Abdullah*, *Kisah Pelayaran Ibrahim Munsyi*, *Hikayat Johor* selain hukum-kanun dan adat serta set undang-undang.

1.7 Signifikan Kajian

Kajian ini dijangka dapat memberikan nafas baru kepada sejarah perjuangan mempertahankan kedaulatan sebuah negeri. Hal ini kerana masih terdapat ruang yang belum dikupas dalam perbincangan mengenai perjuangan menentang imperialisme Barat terutamanya yang memfokuskan kepada peranan pemerintah dan golongan intelektual di setiap negeri secara spesifik. Hal ini secara tidak langsung memberi dimensi baru kepada penulisan sejarah negeri Johor khususnya tentang hal-ehwal berkaitan perjuangan mempertahankan kedaulatan negeri tersebut dari perspektif tempatan, suatu hal yang amat ditekankan sejak zaman Tregonning (1955) sehingga yang terbaru, seruan Thongchai Winichakul pada tahun 2009 agar perspektif kajian sejarah dilihat dalam ruang lingkup tempatan. Dalam konteks ini, watak dan imej orang tempatan sepatutnya ditonjolkan dalam penulisan sejarah dan bukannya imej kerajaan atau tokoh kolonial. Hal ini penting agar penulisan sejarah tidak lagi dirantai sifat *euro-centric* sebaliknya bersifat dalaman dan *Malaya/Malaysia-centric*. Penulisan ini juga secara tidak langsung menyambung dan melengkapkan kajian yang telah dijalankan oleh R. O. Winstedt iaitu kajian sejarah sebuah negeri dalam margin dan ruang lingkup yang lebih kecil dan spesifik.